

Sinar Harian 13/4/2019 m/s 35

Ikan kering atasi lambakan

Nelayan tradisional produktif hasilkan ikan kering berikutan lambakan ikan tamban

NORHASRAM MOHAMAD

PASIR PUTEH



Ikan tamban hasil tangkapan Mohd Khairul Irwan dinaikkan di Pantai Pachakan.



Mohd Zulkifil (kanan) dibantu pekerja membungkus ikan tamban kering.



Nelayan tradisional Kampung Pachakan meraih pendapatan hasil tangkapan ikan tamban.

Kumpulan nelayan tradisional Kampung Pachakan produktif dalam mengatasi masalah lambakan ikan tamban dengan menghasilkan produk ikan kering.

Salah seorang daripada 40 nelayan di kawasan itu, Mohd Khairul Irwan Hussin, 43, berkata, sejak akhir-akhir ini, ikan tamban merupakan hasil tangkapan ikan yang paling banyak menyebabkan spesies itu tidak mampu dipasarkan dalam tempoh singkat.

"Bagi mengatasinya, kami kumpulan nelayan menghasilkan ikan kering bagi memastikan tempoh jualannya lebih lama.

"Ada yang dibeli pemborong dan ada yang dijual terus kepada orang ramai yang singgah di sini," katanya.

Ikan tamban kering yang dibelah katanya, dijual dengan harga RM13 sekilogram manakala ikan tidak dibelah dijual dengan harga RM10 sekilogram.

Seorang lagi nelayan, Mohd Zulkifli Bakar, 27, berkata, penjualan ikan kering memerlukan kesabaran yang tinggi kerana keuntungan yang diraih bukan dalam waktu singkat, tidak sebagaimana ikan segar.

Bagaimanapun, dia bersyukur atas penghasilan ikan kering, sambil memberitahu mampu meraih untung melalui usaha tersebut.

"Walaupun jarak tangkapan nelayan tradisional hanya lima batu nautika dari pantai, nelayan tetap memperoleh pendapatan yang baik jika gigih," katanya.

Katanya, orang ramai boleh membeli terus daripada nelayan dan mereka turut mempunyai pilihan kerana ikan lain seperti

spesies talang, gelama dan seliat turut dikedirangkan.

Sementara itu, lambakan ikan tamban juga membolehkan isteri nelayan meraih pendapatan sampingan dengan mengambil upah menyang dan menjemur ikan.

Amelia Mustafa, 42, berkata, dia bekerja di pengkalan Kampung Pachakan itu ketika musim tangkapan tamban 'meriah'.

Katanya, golongan wanita mengambil upah melibatkan kerja-kerja menyang dan men-

jemur ikan, sementara lelaki pula membungkus.

"Musim ikan banyak ini memberi peluang untuk saya bekerja manakala pada hari cuti sekolah, anak-anak datang mem-

bantu saya menjemur ikan.

"Inilah peluang kita untuk cari duit selepas menempuh musim tengkujuh lalu yang mana ketika itu, kami langsung tidak mempunyai pendapatan," katanya.